

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan teori-teori yang berkaitan dengan pemerolehan dan pembelajaran bahasa dalam kalangan kanak-kanak atau murid-murid sekolah rendah, dasar dan pelaksanaan bahasa Arab dalam program j-QAF dan juga huraian mendalam mengenai kemahiran menulis khususnya dalam bahasa Arab.

#### **2.1 Pendekatan Teori dalam Pemerolehan dan Pembelajaran Bahasa**

Pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak atau murid-murid sekolah rendah kadangkala berbeza-beza walaupun dalam tahap umur yang sama. Mengapa situasi ini berlaku adalah sukar ditentukan sebab-sebabnya, tetapi ada yang mengaitkannya dengan faktor persekitaran sosial dan budaya keluarga serta masyarakat setempat di mana kanak-kanak itu memperoleh bahasanya ( Noor Azmira Mohamed, 2001:3). Ini dapat dilihat bahawa kanak-kanak memperoleh atau mempelajari sesuatu bahasa secara formal atau tidak dan secara sedar atau tidak.

Menjadi kepentingan di sini adalah pendedahan kepada kanak-kanak dalam aspek pemakaian bahasa tersebut. Antara sarjana ada menyatakan bahawa bahasa berdasarkan kepada lakuan manusia. Ini bermakna kanak-kanak atau murid-murid meniru segala lakuan bahasa di sekeliling mereka.

Selain daripada itu, sarjana lain turut menyatakan bahawa bahasa kanak-kanak diperoleh atau dipelajari kerana prosesnya sudah terancang dalam perkembangan kanak-kanak tersebut dalam proses biologinya. Sementara itu juga, ada yang menyatakan pemerolehan dan pembelajaran bahasa di peringkat kanak-kanak atau

rendah adalah akibat dari interaksi penjaga dan ahli masyarakat dengan kanak-kanak tersebut.

Secara tidak langsung situasi pemerolehan dan pembelajaran sudah tersedia atau terdedah kepada kanak-kanak. Jadi dengan sendirinya kanak-kanak akan peroleh sesuatu bahasa itu. Terdapat tiga teori utama dalam menjelaskan isu pemerolehan dan pembelajaran bahasa dalam kalangan kanak-kanak iaitu teori behavioris atau disebut juga mekanis, teori kognitif atau mentalis dan biologis dan terakhir adalah teori interaksional.

Menurut Nik Hassan Basri (2009) seseorang guru bahasa perlu mempunyai pengetahuan dalam dua perkara penting sebelum menghadapi murid-murid di dalam kelasnya. Beliau perlu menguasai pengetahuan mengenai bahan pengajaran iaitu bahasa berkebolehan untuk memilih prosedur penyampaian yang paling berkesan supaya murid-murid dapat menguasai bahasa yang diajar. Maka, seseorang guru bahasa tidak mungkin dapat menyampaikan pelajarannya dengan cara yang berkesan jika beliau tidak mempunyai pengetahuan tentang bagaimana proses perolehan atau pembelajaran terjadi. Bertepatan dengan kajian ini, pengkaji merasakan penting untuk menghuraikan teori-teori yang berkaitan dengan pemerolehan ataupun pembelajaran bahasa di peringkat rendah.

### **2.1.1 Teori Behavioris atau Mekanis**

Teori ini berpendapat bahawa bahasa adalah satu proses perilaku iaitu hasil rangsangan dan tindak balas yang bergantung pada ciri-ciri naluri pada manusia dan juga ia satu proses mental atau kognitif. Pemerolehan atau pembelajaran bahasa ini banyak dipengaruhi oleh alam sekitar dalam kalangan murid-murid tersebut dengan cara sentiasa mengulangi perkara yang telah dipelajari.

Ekoran daripada itu, ahli-ahli psikologi banyak mengkaji mengenai teori Behavioris dalam pembelajaran bahasa. Salah satu bidang dari bidang linguistik ialah psikologi. Pengkaji-pengkaji teori Behavioris ini terdiri daripada sarjana psikologi yang beranggapan bahawa pemerolehan sesuatu lakuan terjadi melalui ulangan sesuatu lakuan (Abdullah Hassan, 1987). Antara ahli-ahli psikologi tersebut adalah Pavlov, Thorndike, Hull dan Skinner. Mereka beranggapan bahawa pembelajaran adalah satu proses mekanis bagi membentuk satu kebiasaan dalam proses pemerolehan atau pembelajaran bahasa tersebut.

Ahli-ahli behavioris seperti John B. Watson, Edward L. Thorndike, Pavlov, B.P Skinner dan E. R. Guthrie berpendapat bahawa wujud perhubungan satu rangsangan dengan gerak balas. Ia akan berulang jika berserta dengan ganjaran. Selain daripada itu, gerak balas juga akan berulang juga jika diikuti dengan peneguhan positif. Setelah ianya sentiasa diulangi akan menyebabkan kebiasaan kepada kanak-kanak tersebut. Contohnya di sini, seorang kanak-kanak akan sentiasa meniru percakapan penjaga ataupun ahli masyarakat sekelilingnya. Jika disertai dengan ganjaran seperti pujian, senyuman, menganggukkan kepala dan sebagainya dari orang di sekelilingnya, maka kanak-kanak akan mengulangi dan menjadi kebiasaan pada kanak-kanak tersebut. Peneguhan dari pihak ibu bapa mahupun penjaga terhadap gerak balas kanak-kanak tersebut ini adalah proses dalam pemerolehan bahasa.

Skinner (1975) telah menghuraikan teori behaviorisme dengan mengaitkan dengan pembelajaran bahasa. Ahli-ahli behavioris berpendapat bahawa pengaruh persekitaran amat penting dalam konteks pembelajaran bahasa. Selain daripada itu, ujaran terbentuk dengan adanya rangsangan yang berbentuk bahasa atau bukan bahasa. Contohnya, kanak-kanak bertutur jika ada pihak yang bertutur dengannya atau kanak-kanak akan bertutur jika mahu memenuhi keperluannya seperti mahu tidur, makan, minum dan sebagainya.

Menurut Nik Hassan Basri (2009) proses ulangan memainkan peranan yang penting dalam perolehan dan pembelajaran bahasa. Perkataan-perkataan ataupun bentuk-bentuk bahasa yang sering diulang akan cepat dipelajari oleh kanak-kanak.

Menurut Abdullah Hassan (1983) ahli-ahli psikologi yang mengkaji teori behavioris, hanya menganggap bahawa kemahiran bertutur itu juga merupakan satu lakuan manusia, sama seperti lakuan lain. Jadi bagaimana lakuan lain itu dipelajari, maka begitulah juga lakuan bahasa dipelajari. Kajian mereka hanya ditumpukan kepada lakuan binatang. Kesimpulan daripada kajian ini dianggap akan dapat diterima sebagai sah untuk sebarang lakuan manusia.

Nik Hassan Basri (2009) antara ciri-ciri pembelajaran yang terdapat dalam teori behavioris atau mekanis ini adalah seperti berikut:

- i. Pembelajaran ialah satu proses mekanis yang terjadi daripada perhubungan antara rangsangan (stimulus) dan gerak balas (respon).
- ii. Sesuatu gerak balas akan diulangi jika diikuti dengan ganjaran.
- iii. Sesuatu gerak balas yang diikuti dengan peneguhan yang positif juga akan lebih sering diulangi.
- iv. Sesuatu gerak balas yang sering diulangi akan membentuk kebiasaan.

### **2.1.2 Teori kognitif atau Mentalis**

Dalam pembelajaran bahasa, Chomsky berpendapat bahawa teori Behavioris tidak dapat menghuraikan proses perolehan aspek-aspek bahasa yang kompleks. Tegasnya, pembelajaran bahasa bukanlah proses mekanis tetapi merupakan proses mental. Chomsky berpendapat bahawa seorang kanak-kanak telah dilahirkan dengan kecekapan semula jadi untuk menguasai bahasa apabila sampai peringkat kematangan yang tertentu. Pada tiap-tiap peringkat kematangan kanak-kanak tersebut akan

membentuk hipotesis-hipotesis terhadap peraturan-peraturan ahli masyarakatnya. Segala pembetulan kesalahan yang dibuat oleh ahli masyarakatnya akan memperkukuh lagi rumus-rumus bahasa yang tersimpan dalam otaknya (Nik Hassan Basri, 2009).

Antara sarjana yang mengkaji teori kognitif atau mentalis ini adalah seperti Kohler, E.H. Lenneberg, Gestelt, George A. Miller, Robin Lakoff, Robert Lee, Piaget dan Noam Chomsky. Dalam bidang psikologi, antara ahli kognitif yang terkenal adalah J. Piaget. Beliau telah mengemukakan gagasan bahawa perkembangan kognitif bukan hanya hasil kematangan organisma, bukan pula pengaruh alam sekitar, tetapi ialah interaksi antara kedua-duanya (Nik Hassan Basri, 2009).

Sinclair (1970) dalam Inhelder, Barbel (1974) telah membuat kajian tentang pemerolehan bahasa dan mendapati bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak berlaku dalam persekitarannya berasaskan perkembangan kognitifnya. Kanak-kanak menguasai makna, objek serta peristiwa-peristiwa dalam persekitaran mereka dan makna tersebut kemudiannya akan distrukturkan dan dihayati oleh kanak-kanak dalam struktur kognitif.

Hipotesis mengenai jagat-jagat kognitif yang telah dipakai sebagai dasar untuk menerangkan proses-proses pemerolehan bahasa oleh kanak-kanak berdasarkan empat tahap iaitu tahap deria motor, tahap pra operasi, tahap operasi konkrit dan tahap operasi formal yang akan dialami oleh semua kanak-kanak dan ia cuma dibezakan oleh faktor baka dan persekitaran (Sprintal, 1974).

Piaget (1952) telah mengkritik pendapat golongan innatis terhadap pemerolehan bahasa. Golongan ini berpendapat bahawa bahasa diperoleh secara semula jadi. Piaget menegaskan bahawa struktur formal bahasa mempunyai hubungan dengan organisasi kognitif am. Menurut pandangan Piaget, perkembangan bahasa merupakan sebahagian daripada perkembangan kognitif am kanak-kanak. Ini bermakna bahawa tanpa keupayaan kognitif am, keupayaan linguistik tidak akan wujud.

Selain itu, J. Piaget berpendapat bahawa manusia memiliki peringkat otak (mental) dan saraf yang tinggi dan dengan otaknya manusia mempunyai kebolehan untuk mempelajari pelbagai perkara. Tegasnya, proses pembelajaran ialah proses mental dan bukannya proses mekanis. Proses mental melibatkan seseorang kanak-kanak menerapkan ataupun menyesuaikan pengetahuan yang telah sedia ada dalam otaknya dengan data-data yang diperoleh daripada persekitarannya. Pembelajaran sesuatu konsep akan hanya terjadi apabila seseorang kanak-kanak telah mencapai taraf kematangan yang tertentu.

Ahli kognitif berpendapat huraian pemerolehan bahasa dapat dibuat berdasarkan perkembangan kategori kognitif. Piaget (1952) berpendapat bahasa terbentuk pada peringkat motor-deria dan bahasa pada masa itu mempunyai fungsi simbolik. Pendapat Piaget ini mendapat sokongan daripada Sinclair dan Morehead (Juriah Long 1993).

Menurut teori kognitif sejagat (*cognitive universals*) bahasa diperoleh atau berkembang berdasarkan struktur-struktur kognitif deria-motor (*sensory – motor*). Struktur-struktur ini diperoleh oleh kanak-kanak melalui aksi dan interaksinya dengan benda atau orang-orang di persekitarannya. Menurut Inhelder, Barbel (1974). , bahasa diperoleh atau berkembang berdasarkan peringkat motor – deria iaitu ketika kanak-kanak berumur 18 bulan hingga 2 tahun.

Pada peringkat ini seseorang kanak-kanak akan melibatkan diri secara aktif dalam persekitarannya dan hasil daripada tindakan tersebut akan terbentuk pola-pola tindakan yang digelar skema. Pola-pola ini diperkembangkan serta dibezakan antara satu sama lain. Setelah struktur kognitif ini terbentuk, kanak-kanak tersebut bertukar menjadi organisma yang berpengetahuan berbeza dengan sebelumnya, iaitu sebagai organisma yang bertindak. Sinclair juga berpendapat bahawa makna perkataan awal kanak-kanak mempunyai sifat yang tidak tetap kerana kanak-kanak membuat generalisasi secara subjektif terhadap tindakan-tindakan yang mereka lakukan. Kanak-

kanak juga tidak dapat bezakan sifat-sifat umum dan sifat-sifat khusus tindakan tersebut (Juriah Long 1993).

Berdasarkan teori kognitif, kanak-kanak memperoleh bahasa melalui beberapa peringkat yang didasarkan kepada struktur kognitif deria-motor iaitu peringkat deria-motor dan peringkat representatif kecerdasan (Magantar 1987). Pada peringkat pertama sewaktu kanak-kanak dilahirkan hingga 1 setengah tahun adalah peringkat deria-motor. Pada peringkat ini kanak-kanak mengembangkan pola-pola aksi secara berinteraksi dengan persekitaran. Pola-pola ini kemudiannya diatur menjadi struktur-struktur akal (mental).

Berdasarkan kepada teori ini, Noor Azmira (2001) telah menghuraikan urutan pemerolehan bahasa secara kasar seperti berikut:

- i. Peringkat Deria Motor (0-1 setengah tahun)

Pada masa ini kanak-kanak akan mengimbangkan pola-pola aksi dengan cara beraksi dalam persekitarannya. Pola-pola ini kemudiannya diatur menjadi struktur-struktur akal (mental). Berdasarkan struktur-struktur akal ini, kanak-kanak mulai membangunkan deria benda-benda yang kekal yang disebutkan sebagai kekekalan benda.

- ii. Peringkat Representasi Kecerdasan (1 setengah – 2 tahun)

- a. Peringkat pertama

Peringkat ini bermula selepas struktur-struktur aksi dihuraikan. Pada peringkat ini biasanya kanak-kanak telah mampu membentuk representasi simbolik yang merangkumi benda-benda seperti permainan simbolik, peniruan, bayangan mental dan gambar.

b. Peringkat kedua

Pada peringkat kedua ini bahasa telah pun diperoleh sebagai lanjutan daripada peringkat representasi kecerdasan itu. Bahasa pada peringkat ini dapat berkembang selepas representasi simbolik pada peringkat kedua mendapat nilai-nilai sosial. Struktur-struktur linguistik mulai dibentuk berdasarkan bentuk-bentuk kognitif umum yang telah dibentuk ketika berumur lebih kurang 2 tahun. Menurut Piaget (1952), bahasa kanak-kanak dari usia 2-6 tahun adalah bersifat mudah dan egosentrik.

Sebagai kesimpulan Piaget menegaskan bahawa pemerolehan atau pembelajaran bahasa sebagai bahagian yang tidak dapat dipisahkan daripada perkembangan kognitif secara keseluruhan dan khususnya sebagai bahagian daripada kerangka fungsi simbolik. Dengan kata lain, bagi Piaget bahasa merupakan satu hasil daripada perkembangan intelek secara keseluruhan (Magantar 1987).

Menurut Nik Hassan Basri (2009) ciri-ciri pembelajaran yang boleh disimpulkan daripada teori kognitif atau mentalis ialah:

- i. Pembelajaran ialah satu proses mental.
- ii. Semua kanak-kanak dapat mempelajari pelbagai perkara kerana mereka dilahirkan dengan kebolehan semula jadi untuk berbuat demikian.
- iii. Dalam keadaan yang normal, kadar perkembangan mental bagi kanak-kanak pada satu peringkat umur adalah sama.
- iv. Kanak-kanak mempelajari benda-benda sebagai satu golongan dahulu dan kemudian baharu dia mengetahui anggota-anggota atau bahagian golongan itu.



### 2.1.3 Teori Interaksi

Golongan kognitif yang kuat pegangan terhadap organisasi kognitif umum berpendapat bahawa makna adalah penting dalam pemerolehan bahasa. Mereka berpendapat seseorang kanak-kanak memperoleh makna objek dan peristiwa tersebut dalam persekitaran mereka melalui beberapa tindakan yang berjaya terhadap objek dan peristiwa tersebut. Tindakan-tindakan ini disusun dan dibatinkan sebagai struktur kognitif (skemata). Kategori-kategori semantik dalam bahasa kanak-kanak adalah berasaskan pengetahuan kognitif yang luas ini. Pendekatan dalam pemerolehan bahasa ini digelar interaksional (Abdul Halim Ibrahim, 1997).

Ahli kognitif seperti Schlesinger (1971; 1974; 1982), MacNamara (1972), Slobin (1973), Bowerman (1974; 1976), Halliday (1975) dan Cromer (1976) bersetuju bahawa kebolehan kognitif penting untuk pemerolehan bahasa. Mereka berpendapat bahawa kebolehan kognitif sahaja dapat menghuraikan pemerolehan bahasa (Juriah Long, 1993).

Ahli-ahli 'interactionalisme' seperti Bloom (1970), Bowennan (1973, 1976), Cromer (1976) dan yang lain lagi, sependapat bahawa kebolehan kognitif sahaja tidak dapat menjelaskan pemerolehan bahasa kerana perkembangan kognitif hanya melengkapkan seseorang kanak-kanak dengan kebolehan mentafsir makna, tetapi pentafsiran ini tidak boleh dilahirkan dalam bentuk bahasa. Kanak-kanak yang berkenaan perlu didedahkan kepada interaksi linguistik supaya mereka boleh mempelajari cara-cara menggambarkan makna-makna kognitif dalam bentuk-bentuk bahasa tepat (Nik Hassan Basri, 2009).

Menurut Abdul Halim Ibrahim (1997), ahli interaksi telah mencadangkan bahawa huraian pemerolehan bahasa yang lengkap bergantung kepada proses kognitif dalaman dan rumus-rumus bahasa serta proses bahasa. Perkembangan kognitif melengkapkan kanak-kanak dengan kebolehan untuk mentafsir makna, namun

perkembangan ini tidak boleh menjamin pentafsiran ini dibuat dalam bentuk bahasa. Hal ini telah dibuktikan oleh Bloom (1970) dalam kajiannya yang menunjukkan bahawa pembentukan makna kognitif tidak dapat menjamin kebolehan kanak-kanak mengekodkan makna tersebut dalam bentuk bahasa. Analisis Bloom tentang perkembangan sintaksis dan semantik bentuk naif menggambarkan bagaimana faktor saling berkait antara proses kognitif dan bahasa mempengaruhi pemerolehan satu aspek bahasa (Juriah Long, 1993).

Schlesinger (1982) berpendapat seseorang kanak-kanak dapat membentuk struktur kognisi berdasarkan interaksinya dengan objek dan peristiwa-peristiwa di sekitarnya, namun kebolehan seseorang kanak-kanak mentafsir persekitarannya tidak menjamin keupayaan kanak-kanak tersebut untuk menggambarkan konsep-konsep hubungan objek, proses dan peristiwa melalui bahasa.

Halliday (1975) dalam Abdul Halim Ibrahim (1997), seorang ahli interaksi telah menghuraikan pemerolehan bahasa kanak-kanak berdasarkan sudut pandangan sosiolinguistik. Beliau berpendapat perkembangan bahasa kanak-kanak melibatkan proses kognitif dan proses interaksi bahasa. Beliau berpendapat kanak-kanak menguasai bahasa kerana kanak-kanak tersebut ingin berinteraksi dengan ahli masyarakatnya. Dalam interaksinya, kanak-kanak menggunakan bahasa dengan pelbagai fungsi antaranya seperti fungsi alatan (*instrumental*), pentertib (*regulatory*), interaksi atau perhubungan (*interactional*), peribadi (*personal*), penemuan (*heuristic*), khayalan (*imaginative*) dan fungsi pernyataan (*representational*) (Asmah Hj Omar 1984).

Berdasarkan hasil-hasil kajian Snow (1972, 1977), Ringler (1978) dan yang lain dalam (Nik Hassan Basri, 2009) telah menunjukkan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak ialah hasil daripada interaksi penjaga-penjaga atau ahli-ahli masyarakat

dengan kanak-kanak. Kajian yang dibuat oleh mereka itu telah memperkukuhkan lagi pendapat ahli-ahli interaksional.

Nik Hassan Basri (2009) antara kesimpulan daripada teori ini yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran ialah:

- i. Pembelajaran bahasa ialah proses mental dan linguistik.
- ii. Dalam sesuatu interaksi bahasa, penyampaian makna boleh diutamakan daripada struktur bahasa.
- iii. Struktur bahasa dapat dikuasai dengan cara yang lebih berkesan jika pelajar-pelajar menumpukan perhatian terhadap tugas-tugas atau aktiviti-aktiviti yang bermakna.
- iv. Pembelajaran ialah satu proses yang aktif. Sesuatu pengetahuan tidak akan diterima secara terus tetapi akan di proses dahulu. Pengetahuan baru haruslah dapat disesuaikan dengan pengetahuan sedia ada agar dapat diterima dengan berkesan.
- v. Proses pembelajaran berlaku dalam beberapa cara mengikut keadaan dan masa tertentu misalnya sesuatu hal itu mungkin mudah diterima, sekiranya ada kaitannya dengan perkara yang menggembirakan.
- vi. Pembelajaran berlaku sekiranya sesuatu yang disampaikan itu mempunyai makna, dan hubungan dengan pengalaman sedia ada.
- vii. Antara pengajaran dan pembelajaran tidak ada hubungan secara langsung. Pembelajaran tidak boleh disamakan dengan pengajaran. Sesuatu yang diajar tidak semestinya dapat dipelajari. Itulah sebabnya guru harus memahami strategi pembelajaran murid untuk menimbulkan suasana pembelajaran yang berkesan.

- viii. Pembelajaran melibatkan perasaan, dan berkait rapat dengan emosi seseorang. Peranan pelajar haruslah dijaga agar timbul rasa yakin terhadap diri sendiri.
- ix. Pembelajaran juga melibatkan pemikiran. Pengetahuan, kecerdasan dan kebolehan dalam bahasa saling berkait.
- x. Pembelajaran berlaku sedikit demi sedikit, iaitu dari sudut kuantiti dan masa. Ada antaranya dapat dipelajari dengan banyak dalam masa yang pendek atau sebaiknya. Oleh itu, guru tidak seharusnya membuat kesimpulan bahawa tiap-tiap yang diajar dapat dipelajari terus dalam masa yang ditetapkan.

## **2.2 Dasar dan Pelaksanaan Program j-QAF**

Program j-QAF adalah singkatan bagi jawi, al-Quran, bahasa Arab dan Fardhu Ain. Program ini merupakan hasil idea YAB Perdana Menteri Malaysia yang berhasrat melahirkan murid di sekolah rendah yang dapat menguasai segala keperluan selaras dengan Pendidikan Islam di peringkat rendah. Pada 30 Disember 2003 satu lawatan rasmi YAB Perdana Menteri Malaysia ke Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah dijalankan dan beliau telah menyatakan secara khusus berkenaan idea murni ini. Cetusan idea ini telah diperhalusi di peringkat Kementerian Pelajaran melalui satu seminar j-QAF pada 3 hingga 5 Mac 2004. Program j-QAF telah dilaksanakan secara uji kaji dalam projek rintis selama 3 bulan dan berakhir pada Julai 2004. Seterusnya, pada tahun 2005, secara rasminya program ini telah dilaksanakan di atas persetujuan YAB Perdana Menteri.

Tanggungjawab untuk melaksanakan program ini dipikul oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan usaha merealisasikannya oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM). Sesungguhnya program j-QAF yang dicadangkan adalah sebahagian

daripada pengisian kepada konsep 'Islam Hadhari' yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri ketika itu.

Konsep utama program j-QAF merupakan usaha memperkasakan Pendidikan Islam melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan Fardhu Ain yang dilaksanakan di peringkat persekolahan rendah. Pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum serta model dan modulnya yang tersendiri. Tenaga guru yang khusus digunakan untuk pemulihan, bimbingan, kemahiran, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan murid. Pelaksanaannya menggunakan peruntukan jadual waktu sedia ada (JAPIM, 2006).

### **2.2.1 Objektif dan Matlamat Program j-QAF**

Pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM, 2006) telah menetapkan empat objektif utama dan kepentingannya dalam pelaksanaan program j-QAF ini. Program ini sangat penting kerana ia bukan sahaja menjadi medium utama dalam proses pemerksaan semua aspek dalam Pendidikan Islam seperti Tilawah al-Quran, Ibadah, Sirah, Akhlak, bahasa Arab dan Jawi bahkan matlamat yang paling utama ialah supaya ia dapat dihayati dan diamalkan dalam segenap aspek kehidupan. Justeru itu, setelah ianya dilaksanakan dengan baik dan berkesan semua murid Islam sekolah rendah akan dapat:

- i. Menguasai bacaan dan tulisan jawi

Objektif pertama ini penting dalam melihat kepentingan dalam pemulihan Jawi. Menurut JAPIM (2004) dalam laporan pemantauan mengenainya mendapati penguasaan bacaan dan tulisan Jawi perlu dibaiki lagi. Keputusan ini berdasarkan kepada pelaksanaan pengajaran Jawi dalam komponen pendidikan Islam yang telah bermula pada tahun 2003 dengan pendekatan 2 waktu seminggu pada 6 bulan pertama di tahun Satu. Ini bermakna Jawi dalam

pendidikan Islam semata-mata masih belum mencukupi dan berkesan. Oleh itu, pemulihan Jawi dalam j-QAF menjadi keutamaan khasnya kepada murid tercicir supaya semua murid boleh menguasai Jawi setelah diberi bimbingan secara berterusan.

ii. Khatam al-Quran

Al-Quran pula telah diajar sebagai sebahagian Pendidikan Islam dalam bidang Asuhan Tilawah al-Quran pada masa ini. Namun ia tidak menekankan pembelajaran sehingga khatam al-Quran kerana ia memerlukan bimbingan berterusan daripada bilangan guru yang sesuai dengan jumlah nisbah murid yang menepati pendekatan *talaqi dan musyafahah* (iaitu satu kaedah pembelajaran secara bersemuka dengan guru bagi mendengar, membetul kesalahan dan menyebut semula dengan baik dan lancar). Oleh itu, Pendidikan Islam pada masa ini hanya menjurus kepada kebolehan membaca sahaja manakala aspek khatam tidak ditekankan di sekolah tetapi menyerahkannya kepada masyarakat (JAPIM, 2006).

iii. Menguasai asas bahasa Arab Komunikasi

Kedudukan bahasa Arab di peringkat sekolah rendah adalah sebagai mata pelajaran bahasa tambahan. Ia diajar di sekolah-sekolah rendah secara berpilih dan terhad. Tidak semua murid dapat mempelajarinya.

iv. Memantapkan dan menghayati amalan Fardhu Ain

Mutakhir hari ini melihat bahawa sebahagian besar ibu bapa tidak berpuas hati dengan tahap pencapaian dan penguasaan anak-anak mereka terhadap amalan Fardhu Ain terutamanya dalam hal-hal berkaitan dengan solat. Jadi pihak kementerian telah menjadikan isu masalah ini bagi melihat akan kepentingan program j-QAF dalam pemantapan dan penghayatan amalan Fardhu Ain.

### 2.2.2 Model-Model dalam Pelaksanaan Program j-QAF

Bertitik tolak daripada program j-QAF ini, pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral telah merangka beberapa model bagi merealisasikan objektif dalam pelaksanaan program j-QAF. Menurut JAPIM (2004) terdapat empat model utama dalam pelaksanaan program j-QAF. Berikut adalah model-model tersebut:

i. Model Kelas Pemulihan Jawi

Model ini telah diperjelaskan di dalam Buku Panduan Pelaksanaan Model Kelas Pemulihan Jawi. Ia akan diajar oleh guru khas pemulihan jawi dalam waktu yang sama dengan kelas jawi biasa di semua sekolah dengan menggunakan modul pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran. Semua sekolah hendaklah menubuhkan Kelab Seni Tulisan Jawi dan menjalankan aktiviti pengukuhan di peringkat sekolah dengan menyediakan bahan-bahan bacaan tambahan yang bersesuaian serta mempertingkatkan penggunaan kemudahan ICT sedia ada.

ii. Model Khatam al-Quran.

Dalam model ini terdapat dua bahagian iaitu:

- a. Model enam bulan iaitu satu model yang dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dengan menggunakan peruntukan waktu Pendidikan Islam sedia ada. Model ini akan menggunakan pendekatan *ṭalāqi* dan *musyāfahah* (iaitu satu kaedah pembelajaran secara bersemuka dengan guru bagi mendengar, membetul kesalahan dan menyebut semula dengan baik dan lancar). Bagi murid yang belum menguasai bacaan al-Quran, mereka akan diajar menggunakan kaedah IQRA'. Manakala bagi

mereka yang sudah menguasai bacaan al-Quran mereka akan didedahkan dengan model khatam al-Quran modul enam bulan.

b. Model tasmik pula dilaksanakan di luar waktu sekolah mengikut kepada kesesuaian, dan keupayaan murid. Guru tasmik adalah dilantik secara rasmi oleh pihak sekolah yang terdiri daripada guru j-QAF, Guru Pendidikan Islam, guru-guru mata pelajaran lain yang berkemampuan.

iii. Model Perluasan Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi

Bahasa Arab Komunikasi (BAK) yang sedang dilaksanakan secara terhad pada masa ini di sekolah-sekolah kebangsaan akan diperluaskan pelaksanaannya di semua sekolah. Status mata pelajaran ini adalah sebagai mata pelajaran pilihan. Walau bagaimanapun murid Islam diwajibkan memilih BAK sekiranya tidak mengambil mata pelajaran bahasa Cina Komunikasi dan bahasa Tamil Komunikasi. Peruntukan waktu adalah 60 minit seminggu dan diajar oleh guru bahasa Arab yang dilantik khusus.

iv. Model Bestari Solat

Model Bestari Solat diperjelaskan di dalam Buku Panduan Pelaksanaan Kem Bestari Solat. Pelaksanaannya selama dua hari tanpa bermalam dengan kekerapan 4 kali setahun. Ia dikategorikan sebagai aktiviti kokurikulum PI dan dimasukkan dalam takwim sekolah. Pelaksanaannya juga memerlukan kerjasama semua pihak terutama penglibatan PIBG, guru-guru sedia pada di sekolah dan tidak semata-mata diserahkan kepada guru pendidikan Islam.



### **2.2.3 Matlamat dan Objektif Pelaksanaan Bahasa Arab j-QAF**

Menurut Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM, 2004) matlamat dalam pelaksanaan program j-QAF ini adalah untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab komunikasi di peringkat rendah bermatlamat menanam minat mempelajari bahasa Arab bagi menguasai kemahiran berbahasa di samping membolehkan murid berkomunikasi dengan mudah.

Berikut adalah objektif yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, JAPIM (2004) dalam tempoh pelaksanaan program ini supaya murid dapat:

- i. Mendengar bunyi huruf-huruf, perkataan dan ayat bahasa Arab dan memahaminya.
- ii. Menyebut dengan betul huruf-huruf, perkataan dan ayat bahasa Arab.
- iii. Bertutur dalam bahasa Arab berdasarkan situasi tertentu dan memahaminya.
- iv. Membaca dengan betul dan memahami perkataan dan ayat bahasa Arab.
- v. Menulis dengan betul huruf-huruf, perkataan dan ayat bahasa Arab dan memahaminya.
- vi. Menulis petikan berdasarkan situasi tertentu menggunakan ayat-ayat mudah dan memahaminya.

### **2.2.4 Kandungan Sukatan Bahasa Arab j-QAF**

Dalam merangka sukatan pelajaran, pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, JAPIM (2004) telah menetapkan beberapa aspek yang mesti diambil kira dalam pelaksanaan kurikulum ini. Berikut adalah perkara kandungan yang terdapat dalam sukatan pelajaran Bahasa Arab Komunikasi (BAK):

- i. Sukatan pelajaran bagi Bahasa Arab Komunikasi (BAK) di sekolah-sekolah kebangsaan tertumpu kepada empat kemahiran asas iaitu:
  - a. Kemahiran Mendengar
  - b. Kemahiran Bertutur
  - c. Kemahiran Membaca
  - d. Kemahiran Menulis
- ii. Empat kemahiran asas berbahasa ini mengandungi unsur-unsur penting dalam pengajaran bahasa iaitu:
  - a. Kondisi
  - b. Fungsi bahasa
  - c. Aktiviti cadangan
- iii. Proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi (BAK) berdasarkan perkara asas berikut:
  - a. Pengalaman seharian pelajar.
  - b. Memupuk nilai-nilai murni dan kebangsaan.
  - c. Perkaitan dengan pelajaran lain.
- iv. Proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan berdasarkan kepada aktiviti cadangan dan latihan melalui:
  - a. Permainan bahasa.
  - b. Nyanyian nasyid.
  - c. Teka-teki.
  - d. Perbualan dan lakonan.
  - e. Kuiz.

### **2.2.5 Kemahiran Menulis dalam Bahasa Arab j-QAF**

Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral (2004) telah menetapkan objektif khusus berdasarkan kepada tiga peringkat dalam memastikan murid-murid menguasai kemahiran menulis. Justeru itu, dalam kemahiran ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan murid-murid bermula dari menulis huruf, perkataan dan ayat dengan jelas berdasarkan gaya kemahiran menulis bahasa Arab yang betul. Melalui kemahiran ini murid-murid akan dapat menguasai objektif berikut berdasarkan kepada tiga peringkat, iaitu:

#### **A. Peringkat Pertama:**

1. Menulis huruf dan perkataan dengan betul.
2. Menulis perkataan berdasarkan tatabahasa yang betul dan memahaminya.
3. Menulis susunan (tarkīb) serta mengulangnya.

#### **B. Peringkat Kedua:**

4. Menulis ayat berdasarkan kaedah yang betul serta memahaminya.
5. Menulis ayat namaan dan kerjaan serta mampu membezakannya.

#### **C. Peringkat Ketiga:**

6. Menulis perkataan dan ayat dan memastikannya betul.
7. Menggunakan perkataan dan ayat yang telah dipelajari serta mampu membina ayat berdasarkan situasi yang sesuai.

#### **2.2.5.1 Sistem Peraturan Ayat dan Morfologi Bahasa Arab j-QAF**

Sistem kemahiran menulis ayat bahasa Arab adalah sebahagian daripada aspek kesempurnaan dalam pembinaan ayat bahasa Arab. Matlamat pengajaran sistem ini adalah bertujuan untuk meningkatkan keupayaan murid-murid dalam penggunaan

bahasa Arab berdasarkan kepada peraturan kaedah yang betul secara gramatikal dan sebagainya (JAPIM, 2004). Aplikasinya seperti berikut:

### **Sistem Peraturan Susunan Ayat:**

Objektif dalam sistem peraturan pada peringkat ini bagi membolehkan murid-murid untuk:

- i. Membina ayat namaan yang ringkas iaitu:

Kata nama + kata nama, kata nama + kata kerja, kata nama + kata kerja + kata nama, dan kata nama + kata kerja + huruf + kata nama.

- ii. Membina ayat kerjaan yang ringkas iaitu:

Kata kerja + kata nama, kata kerja + kata nama + kata nama, dan kata kerja + kata nama + huruf + kata nama.

### **Sistem Peraturan Pembinaan Morfologi**

Sistem pada tahap ini bertujuan bagi membolehkan murid-murid untuk:

- i. Menukarkan kata kerja tiga huruf dari kata kerja kala lampau, kata kerja kala kini dan kata kerja imperatif.

## **2.3 Kemahiran Menulis**

Kemahiran menulis adalah aktiviti akademik yang penting di dalam semua bahasa dan semua sekolah di seluruh dunia. Kamarudin Hj Husin (1998) menyatakan menulis adalah memberikan simbol-simbol grafik bagi melambangkan bahasa yang difahami oleh seseorang itu dan supaya orang lain boleh membaca grafik-grafik dengan mudah. Manakala Mohd Azrien Mohamed Adnan dan Zamri Ghazali (2008), menyatakan dalam hal ini mengutamakan kemahiran adalah satu perkara yang wajar. Tulisan harus mempunyai keseragaman dan penyambungan. Pergerakan tulisan

haruslah sama, seragam dan tidak dipisah-pisahkan di antara satu dengan yang lain. Perkataan-perkataan hendaklah ditulis sebagai satu kesatuan dan bukan berasingan. Sebarang kesalahan umum yang berhubung dengan kesalahan tanda bacaan, ejaan, dan lain-lain-lain perlulah dielakkan.

Seterusnya Arfah Abdul Aziz et al. (1992) menyatakan bahasa asas menulis ialah pembentukan simbol-simbol tulisan dalam bahasa. Dengan itu, kemahiran asas dalam kemahiran menulis berkaitan rapat dengan kebolehan murid menulis dalam bentuk tulisan yang terang, jelas dan lengkap. Di samping itu menulis juga merangkumi kebolehan menggunakan ayat dan penggunaan tanda baca yang betul bagi menyampaikan sesuatu pengalaman.

Kemahiran menulis juga turut dikaitkan dengan alat perantara untuk berkomunikasi. Barnouw (1998) mendefinisikan kemahiran menulis sebagai satu cara melahirkan bahasa manusia melalui simbol-simbol yang boleh dilihat. Menulis merupakan salah satu medium untuk berkomunikasi antara manusia dalam menyampaikan tujuan-tujuan tertentu iaitu idea, perasaan, tindak balas, memori, dan sebagainya (Mahmud Kamil, 1985).

Istilah dalam kemahiran ini sering menjadi bahan perbincangan dalam dunia pendidikan. Robiah Kulop Hamzah (1999), menyatakan ada pihak menyebut kemahiran menulis sebagai kemahiran menulis (*writing*), manakala ada yang menyebut kemahiran menulis (*writing skill*). Dalam kebanyakan buku yang membincangkan kemahiran menulis digunakan perkataan seperti karangan bertulis (*written composition*), menulis (*to write*), saling bertukar ganti dengan perkataan mengarang. Menurut Hughey et. Al. (1983) dalam Robiah Kulop Hamzah (1999), menulis merupakan satu gerak laku yang dijalankan secara sendirian iaitu komunikasi yang dilakukan oleh seseorang dalam pengasingan kerana tidak terdapat pendengar atau khalayak yang sebenar berhadapan dengannya.

Menurut Marohaini Yusoff (1999), perlakuan menulis boleh disifatkan sebagai bantuan untuk mengingati sesuatu. Ini adalah kerana perlakuan menulis memerlukan penglibatan yang tinggi dari segi pemikiran berbandingkan kemahiran lain seperti mendengar dan membaca. Melalui kemahiran menulis, pemikiran pelajar dapat diperlihatkan, iaitu bagaimana mereka menyusun, menggabungkan, dan memperkembangkan sesuatu idea, serta dapat mewujudkan perkaitan dan melihat perkaitan yang seterusnya membantu pelajar memahami dan mewujudkan organisasi dalam pemikiran mereka. Secara ringkasnya apa yang dinyatakan oleh Moore (1994),

*“Writing greatest’s gift is the ability to help us learn”*

Dalam kemahiran menulis perlu ditekankan beberapa aspek, menurut Kamarudin Husin (2002), dalam usaha pelajar untuk menguasai kemahiran menulis, mereka seharusnya mengalami empat proses yang berkait rapat dengan kemahiran menulis iaitu:

- i. Sistem grafik (*notation*)
- ii. Ejaan
- iii. Latihan menulis ayat-ayat indah
- iv. Melahirkan pendapat

Kesemua proses ini merangkumi kemahiran menulis iaitu, mekanis (kemahiran teknik tulisan), tatabahasa (morfologi & sintaksis), segi gaya dan kejituan isi. Asas kemahiran menulis bermula dengan kemampuan menukarkan suara bahasa yang didengari kepada bentuk yang boleh dipandang atau dilihat dengan menggunakan simbol-simbol yang telah disepakati penggunaannya. Ia lebih menggambarkan satu proses menghubungkan bunyi-bunyi fonetik ke dalam bentuk huruf yang ditulis supaya dapat disebut kembali. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa proses kemahiran menulis sesuatu bahasa itu tertumpu kepada kaedah menulis simbol-simbol bunyi sesuatu bahasa.

Manakala kemahiran menulis bahasa Arab dalam konteks aktiviti kemahiran menulis sebagai bahasa asing boleh dikategorikan kepada empat (Mahmud Kamil : 1985), iaitu:

- i. Menulis huruf Arab.
- ii. Menulis perkataan-perkataan Arab dengan tulisan yang betul dan boleh dibaca.
- iii. Membentuk struktur ayat bahasa Arab yang dapat difahami pembaca.
- iv. Menggunakan struktur-struktur ayat bahasa Arab dalam perenggan-perenggan yang menjelaskan idea-idea menulis dengan jelas.

### **2.3.1 Kepentingan Kemahiran Menulis**

Menurut UNESCO (1980), kemahiran menulis ialah sebahagian daripada kemahiran literasi yang penting dalam keperluan manusia. Memandangkan kemahiran literasi dianggap sebagai keperluan asas manusia maka setiap kerajaan bertanggungjawab menyediakan rakyatnya dengan kemahiran tersebut. Fungsi utama kemahiran menulis ialah untuk berkomunikasi bagi menyelesaikan masalah harian dalam hal pendidikan, sosial, dan pekerjaan. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini model komunikatif tentang penguasaan bahasa (Hymes, 1972; Canale, 1983; Allen et al., 1983; Bachman, 1990; Hutchinson, 1990; Hashim, 2003 & 2005) digunakan. Di samping itu, Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah yang memperincikan pelbagai keperluan bagi kemahiran menulis murid sekolah rendah juga dirujuk.

Seterusnya Marohaini Yusoff (1999), kepentingan kemahiran menulis adalah jelas jika dilihat kepada keperluan kita dalam kehidupan di sekolah dan di luar sekolah. Baik dalam kehidupan di sekolah, mahupun kehidupan di luar sekolah, keperluan kita untuk berkomunikasi tetap wujud. Selain media komunikasi yang lain, menulis merupakan satu cara yang terdekat kepada kita untuk berkomunikasi dengan orang lain.

Begitu juga halnya jika kita lihat kepentingan kemahiran menulis di sekolah. Boleh dikatakan, dalam kebanyakan kegiatan pembelajaran di sekolah memerlukan pelajar menulis seperti menulis esei, membuat laporan, membuat nota, dan menjawab soalan.

Walaupun dalam kehidupan hari ini menulis masih merupakan alat perhubungan yang penting walaupun terdapat berbagai-bagai kemajuan dalam teknologi komunikasi. Melalui kemahiran menulis, sesuatu idea, maklumat, pendapat dan ilmu pengetahuan dapat disampaikan dengan tepat, jelas dan berkesan jika dibandingkan dengan penyampaian secara lisan. Oleh itu, amat penting bagi seseorang itu menguasai kemahiran menulis (Arfah Abdul Aziz et al. : 1992).

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, kemahiran berbahasa sangat dititik beratkan dalam penguasaan bahasa. Menurut Mohd Azrien Mohamed Adnan dan Zamri Ghazali (2008), dalam sukatan pelajaran bahasa Arab yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyarankan agar pelajar-pelajar dibimbing dan didedahkan dengan semua jenis kemahiran berbahasa termasuklah kemahiran menulis. Melalui kemahiran menulis, para pelajar dapat menyampaikan idea, buah fikiran dan perasaan dalam pelbagai bentuk penulisan seperti penulisan karangan lisan, karangan terkawal dan karangan bertulis. Di dalam mengajar kemahiran menulis, kemahiran ejaan dan rencana patut ditekankan. Ini kerana, kemahiran ejaan dan rencana berkait rapat dalam kemahiran menulis bahasa Arab. Pelajar yang tidak mahir dalam kemahiran ejaan tidak akan berjaya dalam kemahiran menulis.

Menurut Mohd Azrien Mohamed Adnan dan Zamri Ghazali (2008), menyedari kepentingan pengajaran kemahiran menulis ini, para guru seharusnya memberikan keutamaan kepada kemahiran menulis dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan para pelajar. Para guru seharusnya memberikan pendedahan yang secukupnya kepada para pelajar dan menerapkan kemahiran menulis dengan mantap



dari semua aspek. Penekanan diberikan adalah bertujuan bagi mengurangkan kesalahan-kesalahan yang bakal dialami oleh pelajar dalam kemahiran menulis. Ini kerana bahasa Arab merupakan bahasa kedua pelajar dan kemungkinan timbulnya gangguan bahasa pertama sewaktu pelajar belajar mencipta bahasa kedua.

Maimunah Samat (1999) peranan para pendidik bahasa amat penting dan luas dalam menanam penguasaan kemahiran mengarang yang kukuh dalam kalangan pelajar. Ini adalah kerana kemahiran mengarang merupakan kemahiran bahasa yang paling sukar diajar dan dinilai. Menurut Arapoff (1970) “.....*of all the language skills, reading, writing, speaking and listening one of the most difficult to teach and to evaluate is writing*”. Oleh itu menerusi pengalaman mengajar bahasa selama ini sudah pasti setiap pendidik bahasa telah mempunyai strategi pengajaran mengarang yang dirasakan sesuai, berkesan dan sistematik untuk digunakan semasa mengajar kemahiran tersebut.

Berdasarkan kepada kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sukar untuk dikuasai kerana ia melibatkan proses pemikiran yang rumit. Sesungguhnya, tugas menulis melibatkan satu proses kognitif yang memerlukan seseorang itu memperoleh keterangan, menyusunnya dan menghasilkan keterangan yang diperoleh dalam bentuk prosa. Oleh itu, kemahiran menulis merupakan satu aspek kemahiran yang sukar lagi kompleks untuk dikuasai oleh pelajar. Oleh itu, penguasaan kemahiran ini serta faktor yang mempengaruhi penguasaan kemahiran ini perlu dikaji dan diteliti supaya dapat membantu memenuhi cita rasa pelajar dalam memperkembangkan pengetahuan dalam penguasaan bahasa kedua.

### 2.3.2 Penilaian Kemahiran Menulis

Penilaian penting untuk guru mencapai keputusan tentang pencapaian pelajarannya. Sejak berpuluh-puluh tahun kebelakangan ini para penyelidik telah mencuba menubuhkan cara-cara yang sah dan boleh dipercayai bagi mengukur dan menilai kemajuan atau pencapaian dalam kemahiran menulis. Sementara itu, banyak juga kajian yang telah dijalankan secara saintifik dan sistematik mengenai faktor-faktor yang berkaitan dengan proses mengarang dan hasil karangan. Dapatan-dapatan dari kajian tersebut adalah berguna bagi membantu kita membina gagasan (*constructs*) yang berhubung dengan konsep “kemahiran menulis karangan”. Ini adalah penting oleh kerana sebelum kita dapat mengukur dan menilai pencapaian pelajar-pelajar dalam kemahiran menulis karangan, gagasan mengenai kemahiran itu hendaklah dikenal pasti terlebih dahulu dengan jelas, dalam bentuk sub-sub kemahiran asas yang mengisi dan membina gagasan tersebut.

Menurut Straw (1981) kebanyakan para guru bahasa Inggeris yang disoal selidik di Amerika Syarikat telah mengenal pasti tiga faktor utama yang dianggap penting dan boleh mempengaruhi kualiti sesuatu karangan. Tiga faktor utama itu ialah:

- i. Perbendaharaan kata.
- ii. Sintaksis.
- iii. Penyusunan dan gaya.

Namun demikian terdapat pula para penyelidik seperti Britton, Burgess, Martin, McLeod, dan Rosen (1975) yang menunjukkan bahawa terdapat variabel-variabel yang boleh mempengaruhi tiga faktor utama itu. Seperti tujuan, fungsi, dan pembaca yang biasanya menjadi perhitungan penulis apabila menulis sesuatu karangan. Selain itu, variabel-variabel seperti tajuk atau karangan, persekitaran penulisan, perkembangan kognitif, minat dan perasaan pelajar telah juga dikenal pasti oleh para penyelidik seperti

Braddock, Lioyd Jones dan Schoer (1963). Kemudian, kajian Crowhurst (1978) telah menyokong pula pendapat Rosen, et al, (1975) yang menunjukkan bahawa tanggapan mengenai pembaca (*perception of audience*) oleh penulis adalah di antara variabel-variabel yang berkaitan (dalam Abdul Halim Ibrahim, 1997).

Menurut Rosni Samah (2009), kemahiran menulis merupakan ungkapan yang menggambarkan keupayaan pelajar dalam penggunaan bahasa. Bagi membolehkan seseorang pelajar menulis, terlebih dahulu hendaklah memiliki kemahiran mendengar bagi mendapatkan kemahiran bahasa. Kemudian beliau hendaklah mampu bertutur dengan baik bagi mengungkapkan bahasa. Seterusnya, beliau hendaklah memiliki kemahiran membaca bagi mendapat kemahiran bahasa seperti mengenal huruf dan tulisan. Selepas menguasai kemahiran-kemahiran tersebut barulah pelajar mampu menulis dengan baik.

Dalam proses kemahiran menulis ini terdapat beberapa perkara utama yang perlu diberi perhatian. Menurut Salleh Abdul Majid al-Arabi (1981) ada beberapa perkara yang dikira sebagai alat pengukuran dalam penilaian kemahiran menulis.

- i. Memulakan penulisan dari kanan ke kiri.
- ii. Menulis huruf Arab.
- iii. Menulis perkataan dengan ejaan yang betul.
- iv. Membentuk susunan ayat yang betul dan dapat difahami oleh pembaca.
- v. Menggunakan susunan ayat dalam perenggan yang betul dalam bidang-bidang di bawah:
  - a. *Imla'* atau tulisan.
  - b. *Imla'* secara pindah ayat.
  - c. *Imla'* secara lihat.

- d. *Imla'* secara uji.
- e. Khat.
- f. *Ta'bir* dan *Insya'*.
- g. *Ta'bir* ringkas.
- h. *Ta'bir* secara ucapan.
- i. *Ta'bir* bebas.

Menurut Salleh Abdul Majid al-Arabi (1981) lagi, pelajar akan dapat menulis dengan baik sekiranya beliau dapat mengetahui perkara-perkara berikut:

- i. Mengenali huruf.
- ii. Menulis huruf.
- iii. Menulis huruf sambung.
- iv. Menulis perkataan.
- v. Menulis ayat-ayat pendek.

Seterusnya, Muhammad Kamil al-Nāqah (1985) turut membincangkan penilaian dalam objektif kemahiran menulis bagi membolehkan pelajar mencapai perkara-perkara seperti berikut:

- i. Menulis huruf Arab dan mengetahui hubungan antara baris huruf dengan bunyi sebutan.
- ii. Menulis perkataan Arab dengan huruf berceraikan dan huruf bersambung serta dapat membezakan baris huruf pada awal perkataan, pertengahan dan akhir.

- iii. Memperkemarkan cara menulis dengan tulisan yang jelas dan betul.
- iv. Memperkemarkan tulisan dengan tulisan khat *nasakh* atau *raq'ah*.
- v. Membaiki penulisan yang bermula dari kanan ke kiri.
- vi. Mengetahui tanda-tanda penulisan dan maksudnya serta penggunaannya.
- vii. Mengetahui prinsip tulisan dan mengetahui perbezaan antara sebutan dengan penulisan seperti *tanwin*, *hamzah*, dan *ta'*.
- viii. Menterjemahkan idea dalam bentuk penulisan dengan menggunakan susunan ayat yang betul.
- ix. Menterjemahkan idea dalam bentuk ayat dengan menggunakan perkataan yang betul dalam konteks ayat.
- x. Menterjemahkan idea dalam bentuk ayat yang betul mengikut kaedah nahu.
- xi. Menggunakan gaya bahasa yang sesuai bagi tema yang diungkapkannya.
- xii. Menulis dengan pantas bagi menggambarkan idea dalam bentuk ayat yang betul.

Muhammad Kamil al-Nāqah (1985) turut membincangkan bahawa dalam kemahiran menterjemahkan idea pula, pelajar hendaklah memiliki beberapa kemahiran seperti di bawah:

- i. Mampu menulis teks berdasarkan bacaan.
- ii. Mampu membuat rumusan selepas membaca tema tertentu.
- iii. Menulis surat rasmi dan surat biasa kepada kawan-kawan.
- iv. Menulis surat permohonan untuk mendapatkan sesuatu.

- v. Menulis laporan ringkas untuk mesyuarat atau aktiviti.
- vi. Menulis memo ringkas.
- vii. Menulis laporan terhadap sesuatu peristiwa.

#### **2.4 Kajian Penyelidikan Berkaitan Kemahiran menulis Bahasa Arab**

Secara umumnya, banyak kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji berkenaan dengan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar atau murid sekolah sebagai bahasa kedua. Namun, hingga kini masih belum ada kajian yang berkaitan dengan penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab di peringkat rendah dalam kalangan murid-murid sekolah.

Hasil daripada sorotan kajian, pengkaji mendapati secara keseluruhannya kajian-kajian ini menjurus kepada satu matlamat utama iaitu untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab khususnya dalam kemahiran menulis dalam kalangan pelajar atau murid di Malaysia.

Zainol Abidin Bin Ahmad (2003), dalam kajian beliau mengenai “Kemahiran Menulis Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu : Satu Kajian Kes” bertujuan untuk mengkaji kemahiran menulis bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu. Kajian ini berfokus kepada aspek pembelajaran pelajar untuk menguasai kemahiran menulis ayat bahasa Arab serta menilai sejauh mana kaitannya dengan pencapaian ujian bertulis mereka. Kajian ini adalah kajian deskriptif-tinjauan yang melibatkan responden seramai 200 orang pelajar tingkatan dua Kelas Aliran Agama di lima sekolah menengah kebangsaan di negeri Selangor dan 12 orang guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab komunikasi di sekolah berkenaan.

Berdasarkan kepada kajian ini, ia menunjukkan kebanyakan responden tidak mempelajari kemahiran menulis ayat bahasa Arab dengan sempurna. Keputusan ujian bertulis pula menunjukkan tahap kemahiran menulis ayat bahasa Arab yang lemah. Kesimpulan daripada kajian ini, kebanyakan pelajar Melayu tidak menguasai kemahiran menulis ayat bahasa Arab. Kelemahan ini adalah disebabkan oleh banyak faktor, antaranya ialah kaedah pengajaran guru dan cara pembelajaran pelajar, pengaruh bahasa Melayu dan pengolahan terhadap ayat dalam buku teks dan sukatan pelajaran yang tidak meluas terhadap semua bentuk ayat dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya.

Mohamad Azrien Mohamed Adnan dan Zamri Ghazali (2008), dalam kajian mereka iaitu “Analisis Kesalahan Rencana dalam Pembelajaran Bahasa Arab : Kajian di Kalangan Pelajar Asasi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri” menganalisis kesalahan-kesalahan pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua iaitu bahasa Arab dan analisis ini ditumpukan ke atas analisis kesalahan ejaan dan rencana dalam kemahiran menulis bahasa Arab. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan metodologi analisis deskriptif untuk melihat kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Antara analisis deskriptif yang digunakan ialah kekerapan. Kekerapan digunakan untuk melihat bilangan kekerapan pelajar melakukan kesilapan yang sama.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar telah melakukan banyak kesalahan dalam aspek ejaan terutamanya berkenaan dengan kekeliruan sebutan huruf, penambahan huruf, pengurangan huruf, penyalahgunaan hamzah, dan kekeliruan antara *Ta* terbuka atau *Ta* tertutup. Selain daripada gangguan-gangguan bahasa pertama, kelemahan pelajar dalam aspek ejaan kemungkinan disebabkan oleh kekurangan perbendaharaan kata di kalangan pelajar atau pelajar tidak mengambil berat sama ada malas atau pun sengaja tidak mengambil endah sistem ejaan. Kekurangan dalam latihan rencana di kalangan pelajar juga mendorong kepada kelemahan pelajar dalam menguasai rencana kemahiran menulis bahasa Arab.

Seterusnya Hassan Basri A.M Dahan (1996), kajian beliau mengenai “analisis kesilapan dalam kemahiran menulis bahasa Arab: Satu Kajian Terhadap Pelajar Tahun Akhir Akademi Islam Universiti Malaya” telah menganalisa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Kajian ini telah memilih sekumpulan pelajar tahun akhir Akademi Islam Universiti Malaya. Pemilihan dibuat terhadap mereka bertujuan untuk melihat sejauh mana kesilapan-kesilapan tersebut masih dilakukan dalam keadaan mereka berada di tahap terakhir pembelajaran Bahasa Arab sebelum keluar ke alam pekerjaan atau melanjutkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Dapatan kajian ini mendapati dua perkara penting untuk diteliti oleh semua pihak yang terlibat dalam pengajaran bahasa Arab. Pertama, mutu kemahiran menulis dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab di Malaysia masih rendah. Keduanya, punca utama kepada kelemahan ini telah dikenal pasti iaitu strategi pengajaran dan pembelajaran yang membabitkan sukatan itu sendiri, pengaruh bahasa ibunda dan sikap pelajar.

Manakala kajian Kamarulzaman dan Nik Rahimi (2001) pula, menjalankan kajian terhadap guru-guru pelatih bahasa Arab di Fakulti Pendidikan, UKM seramai 124 orang. Setiap responden dikehendaki menulis sebanyak 200 perkataan menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 24,000 perkataan. Dapatan kajian mendapati, jumlah kesalahan *imla'* yang dilakukan oleh responden ialah sebanyak 3,396 (13.7%) patah perkataan. Dalam tinjauan yang dijalankan mendapati pelajar yang berpencapaian cemerlang dalam bahasa Arab adalah pelajar yang bersikap positif terhadap mata pelajaran ini.

Seterusnya ada kajian yang dijalankan berkaitan dengan faktor-faktor yang terlibat dalam penguasaan kemahiran menulis. Menurut Yusniza Mohd Ali (2006) telah menjalankan satu kajian untuk meninjau faktor-faktor luaran dalam dalaman yang mempengaruhi kemahiran menulis bahasa Arab komunikasi di kalangan pelajar sekolah



menengah di Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan 180 sampel yang terdiri daripada pelajar tingkatan tiga di buah sekolah. Beliau mendapati bahawa tahap penguasaan kemahiran menulis pelajar berada pada tahap baik. Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati wujud perbezaan yang signifikan tahap penguasaan kemahiran menulis di antara Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Kelas Aliran Agama (KAA). Daripada empat faktor yang dikaji iaitu faktor kecerdasan, psikologi, persekitaran dan guru, didapati hanya faktor kecerdasan mempunyai hubungan yang signifikan dengan penguasaan kemahiran menulis.

Manakala Normazidah Mahmood (2002), telah mengkaji disebalik soalan-soalan yang terdapat dalam buku teks yang berkaitan dengan kemahiran menulis. Kajian beliau yang bertajuk “Soalan-soalan Kemahiran Menulis di Dalam buku Teks Bahasa Arab Komunikasi : Satu Kajian Kes” menjurus kepada bidang psikolinguistik, di mana ia menggabungkan aspek kognitif dan kemahiran menulis. Terdapat dua bentuk soalan yang digunakan untuk kajian tersebut. Pertama ialah soalan yang dipetik daripada buku teks dan kedua ialah soalan yang digubal sendiri oleh penulis. Markah yang diperoleh daripada ujian tersebut dianalisis. Di samping itu juga penulis telah menganalisa bilangan soalan kemahiran menulis yang terdapat di dalam buku teks tersebut dan bentuk-bentuk latihan yang dipersembahkan. Dapatan kajian yang dijalankan, menunjukkan kandungan latihan kemahiran menulis yang terdapat di dalam buku teks belum begitu menyeluruh dan tidak dipelbagaikan bentuk persembahannya.

## **2.5 Penutup**

Secara umumnya, pengkaji telah menghuraikan beberapa perkara yang penting dalam melihat penguasaan sesuatu kemahiran berbahasa. Antaranya adalah perbincangan mengenai pendekatan teori dalam pembelajaran dan pemerolehan bahasa. Selain daripada itu juga, perbincangan turut tertumpu pada dasar dan pelaksanaan program j-QAF. Dasar dan pelaksanaan ini sangat penting dalam mengetahui dengan lebih mendalam bagaimana program ini diatur dan dilaksanakan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Seterusnya, perbincangan juga berfokus kepada kemahiran menulis berdasarkan kehendak kementerian khususnya bahagian Jabatan Agama Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM).